

*ESTEEM Academic Journal*  
Vol. 12, No. 2, December 2016



## EDITORIAL BOARD

---

### ESTEEM ACADEMIC JOURNAL

**VOLUME 12, NUMBER 2, DECEMBER 2016**

Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang

## SOCIAL SCIENCES & TECHNOLOGY

### ADVISORS

Tan Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Bin Abu Bakar, FASc

Assoc. Prof. Dr. Mohd Fozi Ali

### PANEL OF EDITORS

Assoc. Prof. Dr. Song Saw Imm (*Chief Editor*)

Assoc. Prof. Dr. Hoe Foo Terng (*Managing Editor*)

Dr. Ong Jiunn Chit (*Technical Copy Editor*)

Liaw Shun Chone (*Language Copy Editor*)

Dr. Che Haslina Binti Abdullah (*Editor*)

Dr. Mah Boon Yih (*Editor*)

Dr. Rofiza Aboo Bakar (*Editor*)

Emily Jothee Mathai (*Language Editor*)

Farina Nazakiah Tazijan (*Language Editor*)

Hanani Ahmad Zubir (*Language Editor*)

Suzana Ab. Rahim (*Language Editor*)

### PANEL OF REVIEWERS

Prof. Dr. Irfan Naufal Umar

Prof. Rozhan M. Idrus

Assoc. Prof. Datin Dr. Engku Haliza Engku Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Corina Joseph

Assoc. Prof. Dr. Salamiah A. Jamal

Dr. Amir Fazlim bin Jusoh @ Yusof

Dr. Asyiqin Ab Halim

Dr. Ch'ng Pei Eng

Dr. Chu Ei Yet

Dr. Clotilda Petrus

Dr. Farah Salwani Binti Muda @ Ismail

Dr. Goh Lyn Dee

Dr. Harlina Suzana Jaafar

Dr. Hj Dayang Fatimah Haji Awang Chuchu

Dr. Izzah Suryani Arshad  
Dr. Johan b. L Wahab  
Dr. Marina Mohd. Arif  
Dr. Ng Set Foong  
Dr. Norfezah Md. Noor  
Dr. Norizul Azida Darus  
Dr. Rozita Che Rodi  
Dr. Salmy Edawati Yaacob  
Dr. Samsudin Bin Wahab  
Dr. Santhanamery Thominathan  
Dr. Suria Haron  
Dr. Tey Li Sian  
Jyh Wee Sew  
Mohd Al Adib Bin Samuri

## FOREWORD

---

First, I would like to express my utmost appreciation to the editorial team of ESTEEM Academic Journal, Volume 12, Number 2 of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang for their support, commitment and expertise in making this issue published on time.

In this issue, we have received overwhelming support from authors of various UiTM branches and likewise from other local and international universities. Eight articles from the field of social sciences were successfully published after undergoing through screening and reviewing processes. It is our hope that robust reviews and feedback communicated to the authors can enhance and promote academic research and writing quality. It is also our editorial board's aim to make such publication a platform for these budding researchers and academicians.

On behalf of the editorial board, I would like to express our gratitude to our Rector, Associate Professor Dr. Mohd. Fozi bin Ali and the Deputy Rector of Research, Industry, Community and Alumni Network, Dr. Nor Aziyah binti Bakhari for their unfailing support, advice, and stewardship. Our greatest appreciation also goes to the expert panels of internal and external reviewers for their assiduous efforts in evaluating and editing the manuscripts voluntarily as well as fostering academic collegiality. This publication would not have been possible without the support from the researchers and lecturers who have submitted their articles. We would like to thank them for their trust in us in publishing and disseminating their research works. Congratulations to those authors who have had their articles published in this issue! Finally, we would also like to thank all those who have directly or indirectly helped in making this issue possible. We look forward to your continued support in the future. To all readers, we hope that you will find this issue useful and gain profound knowledge from the studies done.

Associate Professor Dr. Song Saw Imm  
Chief Editor  
ESTEEM Academic Journal  
Vol. 12, No. 2, December 2016  
(Social Sciences & Technology)

## CONTENTS OF JOURNAL

---

1. BAHASA JURI DALAM PROGRAM MENTOR LEGEND: 1-14  
SATU ANALISIS RAGAM BAHASA ZA'BA  
Mohd Hazreen Shah Hassan dan Mohd Roslan Rosnon  
 
2. CHILD LABOUR: ISLAMIC PERSPECTIVE 15-30  
Abu Talib Mohammad Monawer and Dewan Mahboob Hossain  
 
3. MALAYSIAN YOUTH'S RECEPTIVITY TOWARDS CODE- 31-46  
SWITCHING IN MALAY DRAMA TELEVISION SERIES  
Muriatul Khusmah Musa and Ting Su-Hie  
 
4. DATA SECURITY, CONTROL AND PRIVACY 47-59  
MANAGEMENT OF FACEBOOK USAGE AMONG  
UNDERGRADUATE STUDENTS  
Mohamad Ridhuan Mat Dangi, Norulhuda Tajuddin, Norizzati Bahsri and Zarirah  
Zamakhshari  
 
5. HUKUMAN JENAYAH ZINA DALAM ISLAM DAN 60-73  
PELAKSANAANNYA DI PROVINSI NANGGROE ACEH  
DARUSSALAM, INDONESIA  
Faisal Bin Husen Ismail dan Jasni Bin Sulong  
 
6. A SYSTEM FOR MONITORING AND REPORTING 74-83  
OUTCOMES PERFORMANCES OF STUDENTS USING  
TABLEAU DASHBOARD AND PA-ANAS TOOL FOR  
PERSONAL/STUDENT ADVISOR  
Mohaiyedid Idris, Aida Zulia Zulhanip, Adi Izhar Che Ani, Nor Fadzilah  
Mokhtar and Yusnita Mohd Ali  
 
7. PELAKSANAAN *ADVANCE MEDICAL DIRECTIVE* (AMD): 84-94  
TINJAUAN DARI PERSPEKTIF MASLAHAH  
Muhamad Sayuti Mansor, Muhammad Safwan Harun dan Muhammad Ikhlas  
Rosele  
 

8. **PRELIMINARY PERCEPTION OF TEACHING AND  
LEARNING USING TELEGRAM SOCIAL MEDIA TOOL**

95-103

Mohammad Nizam Bin Ibrahim, Emilia Binti Norsaal, Mohd Hanapiah Bin  
Abdullah, Zainal Hisham Bin Che Soh and Ali Bin Othman



# HUKUMAN JENAYAH ZINA DALAM ISLAM DAN PELAKSANAANNYA DI PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM, INDONESIA

Faisal Bin Husen Ismail<sup>1</sup> dan Jasni Bin Sulong<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>*School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.  
titel80@yahoo.com; jasni@usm.my*

## ABSTRAK

*Kesalahan zina adalah sebahagian daripada jenayah yang termasuk di bawah kesalahan hudud dalam Undang-undang Jenayah Islam. Pelaksanaannya diwajibkan ke atas pemerintah Islam bagi memelihara kesucian keturunan umat manusia daripada lahirnya generasi tanpa ikatan perkahwinan. Bagaimanapun, sejarah pelaksanaan hukuman zina tidak banyak direkodkan dalam sejarah perundangan Islam. Pada hari ini, pelaksanaannya ke atas masyarakat Islam khususnya di Aceh banyak dipengaruhi oleh hukum adat berbanding agama. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji sejarah pelaksanaan hukuman jenayah zina pada masa pemerintahan Kerajaan Aceh dahulu dan menyelidik sejauh mana ia selaras dengan aturan dalam perundangan Islam. Seterusnya kajian akan menganalisis perkembangan pelaksanaannya pada masa kini di Wilayah Aceh, Indonesia menerusi perundangan semasa. Kaedah penyelidikan dilakukan dengan menganalisis dokumen seperti buku-buku ilmiah, peruntukan undang-undang, kes-kes yang berkaitan, jurnal dan artikel berkaitan. Kajian mendapati hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan jenayah zina pada zaman Kesultanan Aceh tidaklah sepenuhnya merujuk kepada hukuman Islam tetapi mempunyai pengaruh hukum adat setempat seperti hukuman sula, dipijak gajah sampai mati dan sebagainya. Manakala dalam pelaksanaan semasa, hukuman zina yang dilaksanakan hanya melibatkan hukuman sebat 100 rotan tetapi tiada hukuman rejam sampai mati. Justeru, tiada perbezaan antara penzina yang muhsan dan ghayr muhsan sebagaimana dalam hukuman fekah di mana kesalahan ulangan ke atas zina ini hanya dikenakan hukuman takzir denda dan penjara.*

**Kata kunci:** jenayah zina; undang-undang Islam; hukuman; Kesultanan Aceh.

## 1. PENDAHULUAN

Agama Islam mula berkembang di Aceh bermula abad pertama Hijrah serta memberikan pengaruh besar pada transformasi budaya dan pemikiran terhadap sistem pemerintahan Kerajaan Aceh (Mahmud Yunus, 1960). Daripada segi sejarahnya, masyarakat Aceh telah dipengaruhi oleh beberapa bentuk kepercayaan antaranya Hindu, animisme dan Islam (Azhar bin Mat Aros, 1991). Kerajaan Islam yang paling berpengaruh di Aceh adalah Kerajaan Samudera Pasai, Kerajaan Peureulak dan Kerajaan Aceh Darussalam (Dedi Supriyadi, 2008).

Pada masa itu, undang-undang jenayah Islam merupakan salah satu sumber hukum selain daripada hukum adat yang diamalkan oleh Kerajaan Islam di Aceh, di mana kesalahan jenayah zina turut dikuatkuasakan. Antara buktinya adalah hukuman rejam yang dikenakan kepada anak Sultan Iskandar Muda (1607- 1635) yang didapati bersalah atas kesalahan melakukan zina (Ajidar Matsyah, 2004). Walau bagaimanapun, pelaksanaan perundangan bagi jenayah zina ini kemudiannya terhenti selepas Aceh bergabung dengan Indonesia (M. Nur el-Ibrahimi, 2001).

Sejarah penerapan syariat Islam di Aceh timbul semula melalui gagasan Darul Islam (DI) di Aceh semasa kepemimpinan Abu Daud Beureueh (1953-1959), namun ia tidak begitu berjaya kerana tidak mendapat sokongan daripada pemerintah tertinggi Indonesia. Euforia untuk melaksanakan syariat Islam termasuk hukum hudud di Aceh timbul kembali selepas kejatuhan rejim Soeharto pada tahun 1998 (Abdul Gani Isa, 2013). Ekoran tuntutan tersebut, Pemerintah Indonesia telah mewartakan Undang-Undang No. 25 Tahun 1999 yang menjadikan Aceh sebagai sebuah Daerah Autonomi. Undang-undang ini memberi kuasa eksklusif kepada Kerajaan Aceh dan memperuntukkan kuasa istimewa untuk Aceh melaksanakan syariat Islam termasuk hudud. Seterusnya bagi memantapkan lagi bidang kuasa autonomi di Aceh, Undang-Undang No. 44 Tahun 1999 dan Undang-Undang No. 18 tahun 2001 telah diwartakan oleh Pemerintah Indonesia. Undang-undang ini dinamakan Undang-undang Otonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Termasuk dalam bidangkuasa ini ialah penubuhan Mahkamah Syariah yang mempunyai kuasa ke atas umat Islam (Pasal 1, Perkara 7). Bagi melaksanakan tuntutan undang-undang tersebut, pihak berkuasa di Aceh telah mengambil langkah susulan dengan mengadakan undang-undang jenayah termasuk kesalahan jenayah zina (Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintah Aceh).

Berikut ini, kajian akan membincangkan kedudukan kesalahan dan hukuman zina dalam Islam dan perkembangan pelaksanaannya pada zaman Kesultanan Aceh sehingga masa kini.

## 2. DEFINISI ZINA

Perkataan zina berasal daripada Bahasa Arab iaitu *zana-yazni- zinaa-an* membawa bermaksud *fahisyah* (فاحشة) iaitu perbuatan keji. Menurut Ibn Hajar Al-`Ashqalani (1992), zina bermaksud menyetubuhi wanita tanpa didahului akad nikah menurut syarak. Menurut Al-Tuwayjiri (2009), definisi tersebut kurang lengkap dengan menambah zina adalah hubungan kelamin antara lelaki dengan wanita yang tiada ikatan perkahwinan, dilakukan secara sukarela, dalam keadaan yang sedar serta tidak ada unsur syubhat. Takrifan ini hampir selari dengan yang diberikan oleh Ibn Rusyd (t.t) yang dilakukan di luar akad, tiada unsur syubhat dan bukan ke atas hamba. Definisi ini diringkaskan lagi oleh Imam Taqiyuddin (1995) yang merujuk kepada semua jenis persetubuhan yang haram dalam Islam.

Berdasarkan definisi di atas, perundangan Islam meletakkan syarat zina yang wajib dikenakan hukuman hudud antaranya tiada ikatan perkahwinan antara lelaki dengan wanita, tiada unsur syubhat yang boleh mengecualikan perbuatan tersebut daripada aspek jenayah serta dilakukan dengan sukarela.

### 3. BENTUK-BENTUK HUKUMAN ZINA

Dalam kes jenayah zina yang mewajarkan hukuman hudud, perundangan Islam memperuntukkan empat jenis hukuman iaitu dera/kurungan, sebat, diasingkan (buang negeri) dan rejam. Perbincangan bentuk hukuman tersebut seperti berikut:

#### 3.1 Penjara

Hukuman penjara atau mengurung penjenayah zina diperuntukkan terhadap kesalahan zina *ghair muhsan*. Peruntukan hukuman ini berdasarkan kepada Al-Quran (Surah An-Nisa` ayat 15-16) yang memerintahkan supaya mengurung wanita yang melakukan perbuatan zina di rumahnya sehingga meninggal dunia.

Al-Suddi dan Qatadah berpendapat bahawa hukuman penjara dikenakan ke atas penzina duda (الثيب) dan janda (الثيبة), manakala hukuman dera dikenakan ke atas lelaki dan wanita bujang (Ali Al-Sayis, 1915). Ini kerana ayat al-Quran surah an-Nisa` ayat 15-16 bersifat umum kepada lelaki dan wanita (Abd al-Malik `Abd al-Rahman al-Sa`di, 1975). Mujahid berpandangan bahawa hukuman penjara dikenakan ke atas wanita, manakala lelaki diperuntukkan hukuman dera (Ibn al-`Arabi, 1926). Menurut beliau, surah an-Nisa` ayat 15 memperuntukkan hukuman penjara dalam rumah kepada wanita sahaja, manakala dera diperuntukkan kepada lelaki berdasarkan surah an-Nisa` ayat 16.

Akan tetapi ramai ulama seperti Imam al-Syafi`i, Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad bin Hanbal menyatakan bahawa hukuman terhadap kesalahan zina ayat 15-16 surah Al-Nisa` telah *mansukh* berdasarkan hadith yang diriwayatkan Ubadah bin Shamid bahawa wanita dan lelaki yang berzina dihukum sebat (Al-Nawawi, t.t). Ibn al-Arabi (1926) bersetuju hukum dera diganti dengan sebat tetapi menolak bahawa hukum kurungan telah *mansukh*. Menurut beliau, sesuatu hukum *mansukh* apabila wujud dua dalil yang bercanggah. Dalam kes ini hukuman sebat dan kurungan tidak bercanggah antara satu sama lain.

Pendapat yang kuat dalam perkara ini adalah pandangan yang menyatakan *mansukh* hukuman dera atau kurungan berdasarkan hadith yang memperuntukkan sebat atas kesalahan zina *ghair muhsan*.

#### 3.2 Hukuman Buang Daerah/Negeri

Kebanyakan ulama bersetuju hukuman buang negeri selama satu tahun dikenakan ke atas penzina *ghair al-muhsan* kerana hukuman ini termasuk dalam hukuman hudud yang telah ditetapkan Allah SWT. Dalilnya adalah berdasarkan Rasulullah SAW yang telah didatangi oleh seorang Arab Badwi yang mengadu kepada baginda tentang anaknya yang berzina. Maka Nabi SAW mengarahkan supaya Sahabat menghukum mereka dengan sebatan dan diasingkan selama satu tahun. (Ibn Rusyd, t.t; Abi Yahya Zakariyya al-Ansari, 1895; Ibn Hazm, t.t). Abu Hanifah dalam pandangan keduanya menyatakan bahawa hukuman buang negeri adalah termasuk dalam hukuman *ta`zir* sebagai tambahan ke atas hukuman sebat yang diputuskan oleh seseorang hakim (Al-Kasani, 1986).

Manakala sebahagian fuqaha Mazhab Hanafi mengkritik pendapat jumhur ulama kerana beranggapan hukuman buang negeri adalah hukuman yang telah *mansukh*. Bagaimanapun,



Al-Syawkani (t.t) membantah kritikan tersebut dan berhujjah bahawa kedua-dua peruntukan hukuman tersebut boleh digabungkan dan ia sabit berdasarkan hadith Nabi SAW.

### 3.3 Hukuman Sebat (*Jild*)

Perkataan sebat diambil daripada lafaz *al- jild* yang bermaksud kulit badan, di mana pesalah akan didera dengan sesuatu ke atas kulit badan mereka. Menurut Ibn Qudamah (t.t) sebat bermaksud memukul dengan cemeti (*al-sawi*).

Peruntukan hukuman sebat atas kesalahan jenayah zina *ghair muhsan* seratus kali adalah berdasarkan peruntukan daripada al-Quran surah al-Nur, ayat 2. Hukuman ini juga mendapat ijmak ulama berdasarkan nas yang zahir dan jelas dalam al-Quran dan al-Hadith (Atiyyah Abdullah, 1985). Ibn Taimiyyah (1966) mencirikan sebat sebagai satu bentuk pukulan yang sederhana, tidak terlalu kuat dan terlalu lemah dengan menggunakan cemeti yang sederhana, tidak terlalu berat dan tidak pula terlalu ringan.

### 3.4 Hukuman Rejam

Secara etimologi, rejam bermakna "melontar dengan batu". Dalam terminologi hukum Islam, rejam bermaksud melontar batu atau sejenisnya kepada penzina yang telah berkahwin (*muhsan*) sebagai hukuman kepada mereka sehinggalah penzina itu meninggal dunia (Muhammad Abu Zahrah, t.t).

Dalam kes jenayah zina *muhsan* yang mewajarkan hukuman hudud, peruntukan hukuman rejam telah diperbincangkan ulama silam. Ibn Rusyd (t.t), melaporkan kebanyakan ulama fekah berpendapat hukuman zina *muhsan* adalah rejam sampai mati. Hujah yang jelas ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam kes hukuman rejam ke atas lelaki dan wanita *muhsan* yang berzina (Muslim, t.t). Sebahagian ulama Mu'tazilah dan Khawarij tidak bersetuju hukuman rejam dikenakan ke atas kesalahan zina *muhsan*. Hujahnya, setiap hukuman bagi kesalahan jenayah telah diperuntukkan oleh syarak. Seandainya rejam adalah hukuman syarak sudah tentu ianya dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran (Ali al-Khafif, 1956).

Jika dilihat kepada penghujahan antara jumhur ulama dengan Mu'tazilah dan Khawarij, pendapat yang kuat dalam perkara ini adalah pandangan jumhur ulama. Ini kerana dalil syarak adalah termasuk al-Hadith dan riwayat dengan jelas menunjukkan bahawa baginda S.A.W ada melaksanakan hukuman rejam, setelah mengarahkan sahabatnya melakukan siasatan rapi mengenai kesalahan zina yang diiqrar oleh penzina.

Hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan jenayah zina merupakan suatu balasan yang ditetapkan oleh syarak kerana melanggar larangan Allah S.W.T ('Abd al-Qadir 'Awdah, 1998). Ianya bertujuan bagi memelihara kemaslahatan manusia sejagat dan menghindari dari kejahatan (*mafsadat*) baik di dunia dan akhirat.

## 4. SEJARAH PERLAKSANAAN HUKUMAN JENAYAH ZINA PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W

Terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan pelaksanaan hukuman bagi kesalahan zina pada masa Rasulullah S.A.W yang dilaksanakan oleh baginda selepas peristiwa Hijrah ke

Madinah (Ahmad Rofiq, 2001). Antara contoh pelaksanaan hukuman jenayah zina pada zaman Nabi Muhammad S.A.W adalah seperti berikut:

#### **4.1 Rejam Terhadap Orang Yahudi**

Dinyatakan bahawa kisah hukuman rejam telah dilakukan oleh Nabi Muhammad terhadap Yahudi di Madinah. Dalam satu hadith diriwayatkan bahawa Baginda Nabi Muhammad S.A.W memerintahkan hukuman rejam ke atas Yahudi yang berzina berdasarkan kitab Taurat. Ibn Umar yang meriwayatkan hadith tersebut menyatakan bahawa beliau adalah termasuk salah seorang yang turut merejam penzina Yahudi tersebut. Menurut Al-Zarqani (1990), peristiwa ini berlaku di bulan Zulhijjah tahun ke-4 Hijriyah.

Jadi jelaslah bahawa Nabi Muhammad SAW merujuk kepada Kitab Taurat bagi orang Yahudi yang melakukan kesalahan zina. Menurut Al-Suyuti (1994), inilah peristiwa hukuman rejam pertama dalam sejarah Islam mengikut pandangan sebahagian ulama.

#### **4.2 Rejam Terhadap Wanita Berdasarkan Pengakuan**

Dalam kes ini, seorang Arab Badwi telah datang berjumpa Rasulullah SAW bertanyakan hukuman bagi kesalahan zina yang dilakukan oleh anak lelakinya dengan seorang wanita. Baginda menjawab: “Demi Allah saya akan memberikan keputusan antara kamu berdua berdasarkan kitab Allah; ..... hukuman untuk anakmu, sebatan seratus kali dan diasingkan selama setahun”. Kemudian Nabi mengarahkan Unais supaya menyiasat wanita yang dituduh berzina dengan anak lelaki Arab Badwi tersebut. Wanita tersebut mengaku dirinya telah berzina. Maka Nabi mengarahkan para Sahabat supaya merejam wanita tersebut (Muslim, t.t). Dalam kes ini, Rasulullah SAW telah menerima pakai pengakuan (*iqrar*) daripada lelaki dan wanita tersebut dalam mensabitkan kesalahan dan menjatuhkan hukuman.

#### **4.3 Rejam terhadap Ma`iz Ibn Malik**

Ma`iz ibn Malik telah datang bertemu dengan Rasulullah SAW dan membuat pengakuan bahawa beliau telah berzina. Pengakuan secara sukarela yang dilakukan sebanyak empat kali berturut-turut sehingga baginda SAW telah mengarahkan Sahabat supaya menyiasat keadaan Ma`iz sama ada siuman atau tidak (Muhammad Nasr al-Din al-Albani, 2001). Siasatan yang dilakukan sahabat terhadap Ma`iz Ibn Malik mendapati dia seorang yang waras dan telah berkahwin. Ekoran siasatan tersebut, baginda menjatuhkan hukuman rejam ke atas Ma`iz atas kesalahan zina. Dalam kes ini, Rasulullah telah menerima pengakuan (*iqrar*) Ma`iz ke atas dirinya sebelum menjatuhkan hukuman.

#### **4.4 Rejam Terhadap Wanita dari Kabilah Ghamid**

Dalam kes ini, Baginda Nabi Muhammad telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas wanita dari Kabilah Ghamid yang mengaku dirinya telah berzina. Beliau telah meminta Rasulullah SAW supaya menjatuhkan hukuman ke atasnya bagi kesalahan jenayah yang dilakukan. Seperti biasa, siasatan telah dijalankan terhadap wanita ini dan berdasarkan bukti (*qarinah*) bahawa wanita tersebut telah hamil di luar akad perkahwinan maka baginda telah mengarahkan para Sahabat supaya merejamnya selepas beliau bersalin dan selesai menyusukan anaknya. Peristiwa ini berlaku sekitar tahun ke Sembilan Hijrah (Muhammad Nasr al-Din al-Albani, 2001). Dalam kes ini, Rasulullah S.A.W telah menerima pakai

kesaksian wanita tersebut ke atas dirinya dan *qarinah* berupa kehamilan dalam menjatuhkan hukuman.

Berdasarkan kes-kes yang diputuskan di atas, jelas menunjukkan bahawa hukuman bagi kesalahan zina pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW. Dalam mensabitkannya, baginda SAW telah menerima pengakuan (*iqrar*) yang dilakukan oleh penzina, di samping bukti (*qarinah*) yang menunjukkan jenayah zina telah dilakukan. Ini kerana kesalahan zina adalah merupakan kesalahan hudud yang memerlukan tahap pembuktian dan keterangan yang tinggi iaitu pada tahap *al-yaqin*.

## 5. HUKUMAN JENAYAH ZINA PADA ZAMAN KESULTANAN ACEH

Aceh telah menerima Islam sejak sebelum abad ke-14 lagi di mana pengaruh agama Islam ini telah menyebabkan berlakunya transformasi budaya dan pemikiran dalam perkembangan tamadun Aceh (Abdul Rahman, 1990). Menurut Ibn Battuta, pemerintah Aceh yang dikenali Kerajaan Samudera Pasai pada tahun 1345/1346M dahulu iaitu Sultan Al-Malik al-Zahir adalah bermazhab Syafi'i dan amat menyayangi para ulama (Ismail Hamid, 1985). Menurut Ramli Hutabarat (2005), hukum Islam telah diamalkan oleh Kerajaan Aceh seurus selepas Islam diterima dan dianut oleh raja dan rakyat Aceh. Kitab *Tuhfat al-Nafis* dan *Thamarat al-Muhimmah* hasil karya Raja Ali Haji menjadi bukti kukuh pengaruh Islam terhadap perundangan di Aceh. Kitab ini telah dijadikan panduan dalam pengurusan pentadbiran negara dan menjadi asas dalam pelaksanaan hukum Islam dalam Kesultanan Johor dan Riau.

Peruntukan bagi kesalahan zina diketahui pertama kali berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Ali Mughayat Syah (1516-1530). Dua pengembara Perancis Jean dan Raoul Parmentier de Dieppe yang sampai ke Tiku pada 2 Oktober 1529 melaporkan bahawa masyarakat Tiku telah memeluk agama Islam dan hukuman zina telah dilaksanakan. Antara hukuman zina pada ketika itu adalah siksaan, sula dan hukuman mati bagi lelaki manakala wanita dijadikan hamba sahaya (Dorleans, 2001).

Bentuk hukuman seperti sula dan menjadikan penzina sebagai hamba sahaya adalah sesuatu yang tidak berasaskan perundangan Islam. Peruntukan hukuman seperti ini kemungkinan berasal daripada hukum adat setempat. Bagaimanapun hukuman siksa dengan sebat dan hukuman mati (rejam) ada diperuntukkan dalam perundangan Islam iaitu sebat bagi penzina *ghayr muhsan* dan rejam bagi penzina *muhsan*.

Pelaksanaan hukuman jenayah zina seterusnya diketahui berlaku pada zaman Sultan Aceh ketiga iaitu Sultan Alaudin Ri'ayat Syah al-Kahhar (1537-1571). Tahir Muhammad Sabzwari, seorang pengembara dari India yang datang berkunjung ke Aceh melaporkan bahawa sepasang lelaki dan wanita *muhsan* yang berzina pada tahun 1550 telah dibawa ke hadapan Sultan serta dijatuhkan hukuman rejam di khalayak ramai sampai mati. Maklumat ada tercatat dalam kitab *Rawda al-Tahirin* (Alam Muzaffar, 2005). Pelaksanaan hukuman rejam ke atas penzina *muhsan* ini selari dengan perundangan Islam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan undang-undang zina ini terhenti seketika selepas kewafatan Sultan Alaudin Riayat Syah al-Kahhar.

Kemudian, pelaksanaannya dilaporkan telah dilaksanakan semula pada zaman pemerintahan Sultan Kesepuluh Kerajaan Aceh iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah al-Mukammil (1588-1604). John Davis (1625) seorang pengembara dari Inggeris yang datang ke Aceh pada tahun

1599 melaporkan bahawa Sultan Alauddin Riayat Syah al-Mukammil menjatuhkan hukuman mati atas kesalahan zina dengan cara dipijak gajah. Menurut Denys Lombard (1997) mengutip Francois Martin de Vitre, seorang pengembara dari Perancis yang datang ke Aceh pada 24hb Julai hingga 20 November 1602 melaporkan bahawa hukuman atas kesalahan zina pada zaman Sultan Alauddin Riayat Syah al-Mukammil ada dua jenis iaitu:

1. Penzina lelaki dan perempuan dihukum mati dengan cara dipijak gajah dan badannya ditarik hingga terpisah anggotanya satu dengan lainnya.
2. Penzina lelaki akan diputus kemaluannya sedangkan wanita dikeluarkan kedua biji matanya.

Bentuk hukuman yang dilaksanakan ini bersifat kejam dan merupakan sepenuhnya berteraskan adat. Walaupun hukuman akhirnya adalah mematikan penzina yang muhsan namun kaedah pelaksanaan hukuman adalah tidak selari dengan perundangan Islam. Sifat yang kejam pada hukuman adat ini dapat dilihat pada hukuman sehingga memisahkan anggota badan, memotong kemaluan atau mengeluarkan biji mata.

Seterusnya pelaksanaan hukuman jenayah zina diketahui telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Kesultanan Aceh kedua belas iaitu Sultan Iskandar Muda (1607-1636). Marsden (1788) melaporkan bahawa terdapat tiga jenis hukuman bagi kesalahan zina yang dilaksanakan pada zaman Sultan Iskandar Muda iaitu:

1. Lelaki penzina diletak ditengah bulatan, diberi senjata serta diminta melawan orang sekelilingnya. Jika ia mampu melepaskan diri, hukuman tidak dikenakan ke atasnya.
2. Lelaki penzina diminta membayar wang kepada keluarga wanita.
3. Suami kepada wanita yang berzina membunuh lelaki penzina tersebut.

Hukuman ini juga memperlihatkan pengaruh hukum adat. Di samping itu, hukuman rejam ke atas penzina turut dilaporkan telah dilaksanakan pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda di mana beliau telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas anaknya sendiri yang telah berzina iaitu Raja Pupok (Ajidar Matsyah, 2004).

Kesimpulannya, beberapa bentuk hukuman bagi kesalahan zina telah dilaksanakan pada zaman kesultanan Aceh seperti rejam, sula, mencungkil mata dan menjadikan hamba sahaya. Ia memperlihatkan dua pengaruh undang-undang telah dilaksanakan pada waktu tersebut di mana pengaruh undang-undang adat kelihatan lebih dominan dalam pentadbiran mengenai kesalahan zina pada zaman kesultanan Aceh ini. Selepas kedatangan penjajah Belanda dan penggabungan Aceh sebagai satu wilayah di bawah Negara Indonesia yang merdeka, undang-undang mengenai zina ini telah terhenti daripada dilaksanakan.

## **6. UNDANG-UNDANG ISLAM DAN ZINA DI PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM KINI**

Sejarah Aceh sebagai sebuah negara Islam telah menyebabkan beberapa tuntutan dilakukan oleh rakyatnya bagi pelaksanaan perundangan Islam di sana sehingga telah menyebabkan beberapa siri penentangan rakyat terhadap pemerintahan Indonesia (Pemerintah Provinsi

Nanggroe Aceh Darussalam, 2008). Hasilnya tahun 1999, Pemerintah Indonesia telah mewartakan Undang-undang No. 14 iaitu tentang “Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh” (International Crisis Group, 2006). Implikasinya, pewartaan ini telah meluaskan lagi bidangkuasa perundangan Islam sehingga meliputi aspek akidah, ibadah dan syiar Islam berbandingkan sebelumnya yang hanya meliputi undang-undang diri sahaja seperti nikah, kahwin, cerai dan sebagainya.

Bagi mengukuhkan kedudukan Aceh dalam melaksanakan perundangan Islam, pemerintah Indonesia seterusnya mewartakan Undang-Undang No. 18 tahun 2001 tentang “Autonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh”. Peruntukan Undang-undang ini membolehkan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam mentadbir urus sendiri perundangan Islam, adat dan pendidikan (Husni, 2004). Kemudian, Undang-Undang No. 11 Tahun 2006 telah diwartakan yang memberikan kuasa pada Mahkamah Syar’iyyah sebagai badan berkanun dalam mewujudkan keadilan di Aceh dengan kuasa yang lebih luas berbandingkan Peradilan Agama sebelum ini (Al-Yasa’ Abu bakar, 2006). Undang-Undang No. 11 Tahun 2006 Pasal 125 memperuntukkan:

- (1) Syariat Islam yang dilaksanakan di Aceh meliputi akidah, syariah dan akhlak.
- (2) Syariat Islam sebagaimana dimaksud pada ayat (1) meliputi ibadah, ahwal al-syakhsiyah (hukum keluarga), muamalah (hukum perdata) jinayah (hukum pidana), *qadha`* (peradilan), *tarbiyah* (pendidikan), dakwah, syiar dan pembela Islam.
- (3) Ketentuan lebih baik mengenai pelaksanaan syariat Islam sebagaimana dimaksud pada ayat (1) diatur dengan qanun Aceh.

Peruntukan undang-undang di atas menunjukkan keluasan bentuk pelaksanaan perundangan Islam yang menjadi bidang kuasa autonomi khusus bagi Aceh meliputi akidah, syariah dan akhlak. Ekoran peruntukan undang-undang tersebut, Pemerintah Aceh telah melakukan langkah susulan bagi mengadakan *qanun* (peraturan daerah) berkaitan perundangan Islam serta memperkasa Mahkamah Syariah sebagai badan berkanun bagi mewujudkan keadilan. Kesannya, bidang kuasa Mahkamah Syariah bukan setakat dalam hal ehwal keluarga (*ahwal syakhsiyah*), malah juga melibatkan muamalat dan jenayah dengan had hukuman yang lebih tinggi dari peruntukan sebelumnya iaitu tidak melebihi 6 (enam) bulan penjara atau denda tidak melebihi Rp.50.000.000,00 (lima puluh juta rupiah) (Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, 2007).

Undang-undang berkenaan hukum jenayah Islam telah diperkenalkan di Aceh pada tanggal 14 September 2009 apabila Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) meluluskan Qanun Jinayat, Nombor 6 Tahun 2014. Berdasarkan Qanun ini, beberapa kesalahan yang berkaitan dengan zina dan seumpamanya, telah diperuntukkan iaitu:

### **6.1 Kesalahan Khalwat**

Dalam perundangan Islam, khalwat dikategorikan sebagai satu kesalahan ta`zir. Dalam konteks kesalahan khalwat di Aceh, undang-undang telah memperuntukkan hukuman ta`zir ke atas mereka seperti peruntukan Pasal 23 Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014 berikut:

Setiap orang yang dengan sengaja melakukan *jarimah khalwat*, diancam dengan *'uqubat ta'zir* sebat paling banyak 10 (sepuluh) kali atau denda paling banyak 100 (seratus) gram emas murni atau penjara paling lama 10 (sepuluh) bulan.

Peruntukan hukuman *ta'zir* ini selari dengan ruh perundangan Islam kerana ia berada di bawah bidangkuasa *ulil amri* (pemerintah) berdasarkan kemaslahatan tertentu.

## 6.2 Kesalahan Zina

Zina adalah kesalahan yang termasuk di bawah hukum hudud. Peruntukan hukuman bagi kesalahan zina diperuntukkan di bawah Pasal 33 Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014 iaitu:

- (1) Setiap orang yang dengan sengaja melakukan *jarimah zina*, diancam dengan *'uqubat* hudud cambuk 100 (seratus) kali.
- (2) Setiap orang yang mengulangi perbuatan sebagaimana dimaksud pada ayat (1) diancam dengan *'uqubat* hudud cambuk 100 (seratus) kali dan dapat ditambah dengan *'uqubat ta'zir* denda paling banyak 120 (seratus dua puluh) gram emas murni atau *'uqubat ta'zir* penjara paling lama 12 (dua belas) bulan.

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa hukuman bagi kesalahan zina boleh dikenakan dua bentuk hukuman, iaitu hukuman *had* dan hukuman *takzir*. Hukuman *had* adalah hukuman sebat seratus kali dan *takzir* pada hukuman denda dan penjara. Tiada hukuman rejam diperuntukkan dan juga tiada perbezaan hukuman yang dikenakan ke atas penzina sama ada melakukan kesalahan zina *muhsan* ataupun *ghair muhsan* dalam peruntukan Qanun Aceh ini.

Qanun Aceh ini memperlihatkan bahawa hukuman *had* boleh dilaksanakan sekali dengan hukuman *takzir* khususnya dalam kesalahan yang berulang. Penambahan hukuman ini sebagai satu bentuk pencegahan tambahan dan ia berada di bawah budi bicara pemerintah melalui bidangkuasa *ta'zir*. Ini berikutan banyak kes zina dan khalwat dilaporkan berlaku di Aceh, di mana menurut laporan Dinas Syariat Islam Privinsi Nanggroe Aceh Darussalam (2009) mendedahkan di Banda Aceh terdapat 132 kes zina dan khalwat pada tahun 2006, 149 kes pada tahun 2007, 103 kes pada tahun 2008 dan 91 kes pada tahun 2009 (Abu Bakar dan Anwar, 2010). Laporan ini menunjukkan berlaku peningkatan kes zina dan khalwat dari tahun 2006 ke tahun 2007 kemudian kes menurun kembali dari tahun 2008 ke tahun 2009.

## 7. QANUN ACARA JENAYAH DAN KETERANGAN

Bagi melicinkan dan memberi keadilan kepada pesalah syariah, Qanun Acara Jenayah Syariah turut digubal bagi melancarkan prosedur pensabitan kes. Qanun acara jenayah ini memperuntukkan mengenai penyiasatan, waran, tangkapan, pertuduhan, perbicaraan dan seterusnya. Berkaitan dengan undang-undang acara jenayah, Undang-undang No 11 Tahun 2006 Pasal 132 (1) ada memperuntukkan bahawa:

“Hukum acara yang berlaku pada Mahkamah Syar’iyah adalah hukum acara yang diatur dalam Qanun Aceh.”

Sebelum qanun Aceh berkenaan acara jenayah dibuat, Mahkamah Syariah Aceh mengamalkan undang-undang acara yang diamalkan di Peradilan Agama dan Peradilan Awam. Undang-Undang No. 11 Tahun 2006 Pasal 132 (2 a, b) memperuntukkan:

“Sebelum Qanun Aceh tentang hukum acara pada ayat (1) dibentuk: “(a) hukum acara yang berlaku pada Mahkamah Syar’iyah sepanjang mengenai *ahwal al-syakhsiyah* dan *muamalah* adalah hukum acara sebagaimana yang berlaku pada pengadilan dalam lingkungan Peradilan Agama kecuali yang diatur secara khusus dalam Undang-Undang ini. (b) hukum acara yang berlaku pada Mahkamah Syar’iyah sepanjang mengenai jinayah adalah hukum acara sebagaimana yang berlaku pada pengadilan dalam lingkungan peradilan umum kecuali yang diatur secara khusus dalam Undang-Undang ini.”

Undang-undang di atas memperuntukkan Mahkamah Syariah Aceh menggunakan undang-undang acara yang diamalkan di Mahkamah Awam, iaitu yang dirujuk secara harmoni sebagaimana yang dipakai dalam undang-undang acara jenayah Mahkamah Awam yang selari dengan syari`at Islam. Hal ini dibolehkan kerana secara umumnya amalan undang-undang acara jenayah Mahkamah Awam mengamalkan asas keadilan, sama taraf dalam pandangan hukum, menjaga nilai kemanusiaan dan lain-lain (Ernawati, 2014).

Undang-undang Acara Jenayah Mahkamah Syariah Aceh yang lebih khusus, terperinci dan kemas telah diwartakan pada tahun 2013. Undang-undang ini memperincikan kaedah-kaedah pelaksanaan hukuman yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah, misalnya Pasal 252 Qanun Aceh No. 7 Tahun 2003 ada memperuntukkan tentang hukuman sebat sebagaimana berikut:

- (1) Pelaksanaan ‘Uqubat cambuk dilakukan oleh jaksa dengan menyiapkan tempat pencambukan, menentukan waktu dan menunjuk pencambuk.
- (2) Untuk penentuan tempat dan waktu pencambukan sebagaimana dimaksud pada ayat (1) Jaksa berkoordinasi dengan Ketua Mahkamah Syar’iyah, Kepala Dinas Kesehatan dan Instansi yang membawahi Wilayahul Hisbah Kabupaten/kota setempat.

Jelasnya, Qanun Aceh 2003 ini memperuntukkan kuasa kepada pemerintah untuk menyediakan tempat sebatan dan menetapkan masa untuk dijalankan hukuman tersebut. Beberapa peruntukan lain berkenaan acara sebat juga telah dinyatakan di bawah Pasal 262 Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013, misalnya hukuman sebat dilaksanakan di tempat terbuka serta dapat disaksikan oleh orang ramai kecuali kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.

Selain undang-undang mengenai acara, undang-undang mengenai keterangan dan pembuktian juga turut diperuntukkan. Qanun Aceh menetapkan bahawa tahap pembuktian bagi kes zina adalah sehingga tahap *al-yaqin*, sementara pada peringkat pembuktian *prima facie* kes, disarankan agar tahap yang perlu adalah sehingga *dhan al-galib* (melampaui keraguan yang munasabah) (Zulfakar Ramlee Saad, 2015).

Qanun Aceh turut memperuntukkan mengenai kebolehterimaan pengakuan atau *iqrar* dalam pensabitan zina. Kebolehterimaan pengakuan (*iqrar*) dalam konteks penghakiman pembuktian jenayah zina kerana secara logiknya tidak ada seorang yang masih waras untuk menanggung aib dan hukuman melainkan atas dasar kebenaran. Walau bagaimanapun, syarat-syarat

tertentu mesti dipenuhi sebelum pengakuan itu boleh diterima. Berdasarkan peruntukan Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013, pengakuan yang dibuat mestilah tanpa paksaan atau dilakukan secara sukarela sepertimana diperuntukkan dalam Pasal 117 (1). Kedudukan *iqrar* sebagai *sayyid al-adillah* (penghulu keterangan) ini hanya sah dikuatkuasakan ke atas diri *muqrir* sahaja (Pasal 187 (3)). Selain syarat di atas, tiada didapati syarat lainnnya diperuntukkan Qanun Aceh bagi membolehkan *iqrar* diterima seperti berakal, umur baligh menuruk syarak. Hal ini boleh membawa perdebatan yang panjang sekiranya isu ini dibangkitkan di Mahkamah kelak. Oleh yang demikian, dicadangkan kepada badan berkanun di Aceh untuk memperuntukkan seksyen yang tertentu terhadap syarat pengakuan (*iqrar*) yang melibatkan hudud seperti zina.

Qanun memperuntukkan syarat saksi yang sama dengan hukum syarak dalam pembuktian bagi mensabitkan kesalahan zina iaitu mestilah mendatangkan 4 orang saksi lelaki dengan beberapa syarat tertentu terhadap kesaksiannya (Pasal 182 (5)). Qanun turut menerima pakai bukti (*qarinah*) seperti kehamilan luar nikah sebagai kaedah pembuktian kesalahan zina (Pasal 181 (1c)). Walau bagaimanapun, ramai dikalangan ulama tidak bersetuju *qarinah* dijadikan sebagai satu kaedah tersendiri bagi membuktikan kesalahan hudud termasuk zina yang memerlukan tahap pembuktian yang tinggi iaitu *al-yaqin*. Namun terdapat juga dikalangan mereka yang bersetuju bahawa dengan *qarinah* semata-mata sudah cukup untuk mensabitkan sesuatu kes zina (Zulfakar Ramlee Saad, 2015).

Peranan *qarinah* juga didasarkan dalam pembuktian kes yang dikenakan hukuman *ta'zir* seperti khalwat. Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014, Bab 1, Ketentuan Umum, Pasal 1 (23) ada memperuntukkan:

Khalwat adalah perbuatan berada pada tempat tertutup atau tersembunyi antara 2 (dua) orang yang berlainan jenis kelamin yang bukan mahram dan tanpa ikatan perkawinan dengan kerelaan kedua belah pihak yang mengarah pada perbuatan zina.

Dalam satu kes khalwat iaitu kes *Pendakwa Syarie lwn M. Zaini B. Hasbi* (Mahkamah Syar'iyah Banda Aceh, 2006), *qarinah* sebagaimana dalam peruntukan Qanun Aceh di atas telah digunakan dalam menyokong pengakuan yang dibuat tertuduh. Jelasnya, Qanun Aceh telah memperuntukkan kaedah-kaedah terhadap pembuktian bagi mensabitkan kes kesalahan khalwat mahupun zina. Akan tetapi peruntukan-peruntukan ini boleh ditambah baik lagi dari semasa ke semasa misalnya dari segi pembuktian menggunakan DNA tidak disentuh dalam undang-undang ini.

## 8. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian di atas dapat disimpulkan bahawa para ulama tidak menolak bahawa zina adalah merupakan satu kesalahan dalam agama Islam. Kesalahan ini dibuktikan lagi dengan wujudnya hukuman disediakan bagi pesalah syariah tersebut sama ada dengan sebatan atau rejam sehingga mati. Hukuman sebat sabit melalui al-Quran manakala hukuman rejam sabit melalui hadith Nabi Muhammad SAW, dan kedua-dua hukuman diterima secara ijmak dalam kalangan fuqaha.

Kajian mendapati Kerajaan Aceh pada zaman awal kesultanannya ada melaksanakan hukuman jenayah zina yang bercampur baur antara prinsip hukum Islam dan adat. Didapati



bahawa pelaksanaan hukuman bagi kesalahan zina yang selari dengan perundangan Islam pada zaman Kesultanan Aceh adalah pada zaman Sultan Alauddin dan Iskandar Muda. Manakala hukuman zina secara adat yang diamalkan begitu kejam sehingga melibatkan hukuman sula, dipijak dengan gajah dan dipisahkan anggota badan serta ataupun dibuang biji mata. Kekejaman hukuman ini memperlihatkan bahawa perbuatan zina adalah suatu perbuatan yang sangat dikutuk oleh masyarakat pada masa itu dan kerana itu dikenakan hukuman yang sangat mengerikan.

Dalam perkembangan semasa, pelaksanaan hukuman bagi kesalahan zina pada masa kini di Aceh telah mengalami perkembangan yang lebih baik. Bukan setakat Mahkamah Syariah diberi bidangkuasa yang lebih luas, bidangkuasa hukuman jenayahnya juga diberikan sehingga boleh mengenakan hukuman sebat yang selari dengan Islam iaitu 100 kali rotan. Pelaksanaan hukuman ini dimudahkan lagi dengan penggubalan peruntukan mengenai acara dan keterangan dalam mensabit dan menghukum seseorang pesalah zina.

## RUJUKAN

- `Abd al-Malik `Abd al-Rahman al-Sa`di. (1975). *Al-`Alaqat al-Jinsiyyah Ghair al-Masyru`ah wa `Uqubatiha fi al-Syari`ah al-Islamiyyah*. Cet. I, Baghdad: Matba`ah al-Irsyad.
- `Atiyyah Abdullah al-Maliki. (1985). *`Uqubah An-Nafy wa al-Ta`zir Haddan wa al-Ta`ziran Dirasah Muqaranah*. Mekah: Universiti Umm al-Qura.
- 'Abd al-Qadir' Awdah. (1998). *Al-Tasyri` al-Jinai*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Abdul Gani Isa. (2013). *Formalisasi Syari`at Islam Di Aceh*. Banda Aceh: Yayasan PeNA.
- Abdul Rahman. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abi Yahya Zakariyya al-Ansari. (1895). *Syarh Raud al-Talib Min Ithnai al-Talib*. Mesir: Al-Maktabah al-Islamiyyah `an Tiba`i al-Miminiyyah.
- Abu Bakar dan Anwar. (2010). Strategi dan Hambatan Penerapan Qanun Khawat/Mesum dalam Pencegahan Khalwat pada Remaja Kota Banda Aceh, Lembaga Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat. Banda Aceh: Universitas Serambi Mekah.
- Ahmad Rofiq. (2001). *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia*. Yogyakarta: Gama Media.
- Ajidar Matsyah. (2004). *Sejarah Kerajaan Islam di Aceh: Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan*. Universiti Malaya: Tesis Doktor Falsafah.
- Ali al-Khafif. (1956). *Muhazarat fi Asbab Ikhtilaf al-Fuqaha'*. Cairo: Arab League.
- Al-Kasani al-Hanafi. (1986). *Badai` al-Sanai` fi Tartib al-Syarai`*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Nawawi. (t.t). *Syarh Sohih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti. (1994). *Tanwir al-Hawalik Syarh Muwatta' Malik*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Syawkani. (t.t). *Fath al-Qadir al-Jami` baina Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah min `Ilmi al-Tafsir*. Jld. 3, t.t.p.
- Al-Syawkani. (t.t). *Nail al-Autar Syarh al-Muntaqa al-Akhbar Min Ahadith Sayyid al-Abrar*.  
Misr: Matba`ah Mustafa Babi al-Halabi.
- Al-Tuwayjiri. (2009). *Mawsu`ah al-Fiqh al-Islami*. Cet. I, t.t.p.
- Al-Yasa' Abu bakar. (2006 ). *Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda  
Aceh: Dinas Syariat Islam.
- Al-Zarqani. (1990). *Syarh az-Zarqani 'ala Muwatta`*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Azhar bin Mat Aros. (1991). *Sejarah Islam*. Malaysia: I.B.S. Buku Sdn. Bhd.
- Bernard Dorleans. (2001). *Les Francais et L'Indonesie*. Paris: Kailash.
- Dedi Supriyadi. (2008). *Sejarah Peradaban Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Denys Lombard. (1997). *Martin de Vitre Premier Breton à Aceh (1601-1603)*. Dlm. Archipel,  
54, Paris: Persee, 3-12.
- Ernawati. (2014). *Kewenangan Mahkamah Syar'iyah Di Aceh Terhadap Hukum Jinayah  
(Keterkaitan Hukum Materiil Dan Hukum Formil)*. Universitas Esa Unggul: *Journal  
Forum Ilmiah*. 11 (3): 433-455.
- Husni. (2004). *Eksistensi Otonomi Khusus Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Dalam  
Negara Kesatuan Republik Indonesia Berdasarkan UUD 1945*. Disertasi, PPS Universiti  
Padjajaran.
- Ibn al-`Arabi. (1926). *Al-`Awasim wa Al-Qawasim Fi Mawqiq al-Sahabah ba`da Wafah al-  
Nabi Sallahu `Alaihi wa Sallam*. Al-Jazair: Lajnah al-Shabab al-Muslim.
- Ibn Hazm. (t.t). *Al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Qudamah. (t.t). *al-Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kitab al-  
`Arabiyyah.
- Ibn Rusyd (t.t), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah. (1966). *Al-Siyasah al-Shar'iyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyah*. Beirut: Dar  
al-Kutub al-`Arabiyyah.
- Ibn Hajar Al-`Ashqalani. (1992). *Bulugh al-Maram*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Ibn Rusyd. (t.t). *Bidayah al- Mujtahid*, Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyah.
- International Crisis Group. (2006). *Syariat Islam Dan Peradilan Pidana Di Aceh*. Asia Report  
(117), 31 Julai 2006, 1-25.

- Ismail Hamid. (1985). *Pengantar Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd.
- John Davis. (1625). *A Brief Relation of Master John Davis*. Dlm. Samuel Purchas [ed.] *Purchas His Pilgrimes*. London: William Stansby.
- M. Nur el-Ibrahimi. (2001). *Peranan Tgk. Muhammad Daud Beureueh di dalam Pergolakan di Aceh*. Jakarta. t.t.p.
- Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. (2007). *Himpunan Peraturan Perundang –undangan tentang Mahkamah Syariah di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Mahkamah Syariah Aceh.
- Mahmud Yunus. (1960). *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mahmudiyah.
- Marsden, W. M. (1788). *History de Sumatra*. Paris: Chez Buisson.
- Muhammad Abu Zahrah. (t.t). *Al-`Uqubat fi al-Fiqh al-Islami*. Cairo: Dar al-Fikr.
- Muhammad Nasr al-Din al-Albani. (2001). *Mukhtasar Sahih al-Imam Al-Bukhari*. Al-Riyad: Maktabah al-Ma`arif.
- Muslim. (t.t). *Al-Jami` al-Sohih*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Pemerintah Provinsi Naggroe Aceh Darussalam. (2008). *Aceh Serambi Mekkah*. Yoyakarta: Multi Solusindo Press.
- Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014, Pasal 23.
- Qanun Aceh No. 6 Tahun 2014, Pasal 33 (1) (2).
- Qanun Aceh No. 7 Tahun 2003 Tentang Hukum Acara Jinayat, Pasal 252 (1) (2).
- Ramli Hutabarat. (2005). *Kedudukan Hukum Islam Dalam Konstitusi-Konstitusi Indonesia Dan Peranannya Dalam Pembinaan Hukum Nasional*. Jakarta: Universiti Indonesia.
- Sanjay Alam, Muzaffar & Subrahnyaman. (2005). *Southeast Asia as Seen from Mughal India*. dalam *Archipel*, 70, Paris: Persee, 209-237.
- Taqiuddin. (1995). *Kifayah al-Akhyar*. Beirut: Dar al-Kitab al-Alamin.
- Undang-Undang No. 11 Tahun 2006, Bab XVII, Pasal 125 (1) (2) (3).
- Undang-Undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintah Aceh.
- Zulfakar Ramlee Saad. (2015). *Pembuktian Dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian*. *Kanun* (1): 122-142.